

Melestarikan Warisan Pemikiran Salaf dalam Masyarakat Malaysia
21 Disember 2019 | Kompleks Tun Abdullah Mohd Salleh (43.101), Universiti Kebangsaan Malaysia.
© Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

## PEMBAHARUAN METODOLOGI DALAM PEMIKIRAN AL-ASHA'IRAH

# WAN SUHAIMI WAN ABDULLAH RZS CASIS

#### PANDANGAN ALAM ISLAM SEBAGAI KERANGKA DASAR ILMU

- Pandangan alam Islam dan kepentingannya dalam penentuan kerangka ilmu Islam.
- b. Iabukan sahaja akan membezakan faham Ilmu Islam daripada yang selainnya, bahkan sebagai penentu kesatuan ilmu-ilmu Islam dalam suatu kesatuan yang harmoni.
- Kegagalan menghayati dan mengaplikasi Pandangan Alam Islam akan menimbulkan kekeliruandan kerosakan dalam fahamilmudan kesatuannya.
- d. Ini dapat dilihat daripada kekeliruan dan kerosakan faham ilmu hasil percampuran dan pengaruh pandangan alam asing dalam ilmu-ilmu Islam yang mewujudkan dikotomi dan penyempitan faham ilmu dan manhajnya.

# PANDANGAN ALAM ISLAM, KEPELBAGAIAN DISIPLIN ILMU DAN ILMUWAN: KONTEKS DAN KEPENTINGAN

- Pandangan Alam Islam dan unsur-unsur dasarnya: Tuhan, Nabi, al-Qur'an, Faham Ilmu, Faham Insan, Faham Kebahagiaan, Faham Pembangunan, Faham Pendidikan.
- b. Kelahiran pelbagai ilmu yang membahaskan unsur-unsur pandangan alam Islam dari pelbagai wajah: Ilmu Kalam, Fiqh, Tasawwuf, Falsafah, ilmu-ilmu kehidupan, Pendidikan.
- Ini melahirkan pelbagai disiplin ilmu dan pengkhususan ahlinya.
- d. Kepelbagaian ilmu dan pengkhususan ini bermanfaat selagimana ia menyumbang kepada kefahaman dan penghayatan pandangan alam Islam secara yang sempurna dan berkesatuan.
- Sebaliknya sekiranya kepelbagaian ilmu dan pengkhususan ini terlerai daripada ikatan penyatuan Pandangan Alam Islam, ia akan mengundang kekeliruan dan kerosakan dalam faham ilmu.

ASAS KESATUAN FAHAM ILMU DALAM PANDANGAN ALAM ISLAM

- a. Taʻrif ilmu dan hakikatnya: Kesampaian diri dan ketibaan makna; menuntut tazkiyah diri aqali; berkait dengan kedudukan dan perkaitan fakta dalam sistem (ma'na); kesannya lahirnya keyakinan dan keamanan pada diri dan jiwa; seterusnya menghubungkannya dengan Pencipta Penganugerah ketibaan makna dan kesampaian diri.
- b. Pembahagian ilmu dan kaitan di antaranya: *Fard 'Ayn* dan *Fard Kifayah*; *mu'amalah* dan *mukhasafah*; pada pelbagai disiplin ilmu dan juga pada persoalan-persoalan khusus dalam sesuatu disiplin ilmu; melibatkan pelbagai tahap pemeringkatan dari *'ilm al-yaqin, haqq al-yaqin* dan *'ayn al-yaqin*.
- c. Jalan mencapai ilmu dan metodnya: Ia adalah suatu jalan dan metod yang komprehensif sebagaimana yang dianjurkan oleh Islam sedari awal pewahyuannya; merujuk kepada pelbagai jalan sesuai dengan mawdu' ilmu pengetahuan; merangkumi pengiktirafan keatas saluran ilmutermasuk deria, aqal-ilham dan wahyu secara adil dan benar tanpa terperangkap dalam faham dikotomi yang saling bertentangan; ia juga perlu didasarkan kepada faham sebenar tentang hakikat kesemua saluran ini berdasarkan apa yang telah diajar oleh Islam serta dikupas sempurna oleh para ilmuwan sepanjang zaman.
- d. Hakikat penganugerah ilmu dan ketentuannya: Menghayati secara berterusan tentang hakikakt pencapaian dan kesampaian ilmu pada diri insan, dari manakah ia tiba? Siapakah yang menganugerahkannya? Bagaimana ia dianugerahkan? Apakah persediaan dan prasyaratnya? Apa pula tanggungjawabnya?

#### SOROTAN PEWAHYUAN ISLAM DAN PERKEMBANGAN PEMBANGUNAN DISIPLIN ILMU

- a. Islam adalah agama yang diwahyukan daripada Allah SWT melalui junjungan Rasul s.a.w; merangkumi pelbagai aspek ajaran yang diperlukan oleh umat insan demi menempuhi kehidupan di dunia menuju akhirat.
- b. Ini pastinya merangkumi pelbagai ilmu kehidupan dunia dan persiapan ruhani insan menuju Allah SWT; ilmu yang merangkumi aspek nazari dan amali.
- c. Penghayatan dan pengamalan agama pastinya perlu berlandaskan kefahaman ilmu dan kaedah pengamalannya sebagaimana yang diajar dan ditunjukkan oleh junjungan Rasul s.a.w. sendiri. Ini yang dipelajari dan dicontohi oleh para Sahabat r.a. dan diwariskan kepada generasi berikutnya.
- d. Hakikat bahawa pada zaman Nabi s.a.w. dan para Sahabat, bahkan para Tabi'in, penghayatan kefahaman dan pengamalan agama berlaku dengan begitu langsung dan tepat adalah—antara lain—ekoran kesucian jiwa dan aqal serta kemampuan pemahaman para Sahabat dan Tabi'in yang memungkinkan

mereka menghafaz, memahami dan mengamalkan ajaran agama secara sempurna tanpa memerlukan pencatatan dan penulisan ilmu secara bersistem sebagaimana yang berlaku kemudiannya. Ini menjadikan mereka tidak terkesan dengan pemisahan dan pengklasifikasian ilmu yang berbagai sebagaimana di zaman berikutnya.

- e. Seterusnya pada akhir zaman Tabiʻi al-Tabiʻin di mana ilmu-ilmu mula disuratkan dan lahir persuratan dalam pelbagai bidang bermula daripada pengumpulan dan penulisan al-Qur'an sebelumnya telah memulakan zaman baharu dalam sejarah persuratan Islam. Ia antara lain demi merekodkan apa yang telah diwarisi dari zaman sebelumnya demi manfaat umat berikutnya.
- f. Dari sini disiplin ilmu secara sistematik mula diusahakan dan setiap ilmuwan dalam bidang berbagai mula menyusun ilmu masing, seterusnya disempurna- lengkapkan oleh generasi berikutnya. Apa yang pasti, walaupun lahir bidang persuratan ilmu yang berbagai, mereka masih lagi diikat dan terjaga dengan kerangka pandangan alam Islam yang komprehensif dan berkesatuan. Ini tidak menjarakkan pelbagai tradisi ilmu, juga kelompok ilmuwan, yang berbagai ke tahap pemisahan dan pertentangan di antara satu dengan yang lain.
- g. Bibik-bibik pemisahan dan pertentangan pelbagai disiplin ilmu dalam kalangan ilmuwan Islam mula jelas dan menampakkan kesannya apabila para ilmuwan mula obses dalam mendalami ilmu masing-masing ke peringkat mula mengabaikan kerangka sebenar ilmu yang komprehensif di antara nazari dan amali, antara Fard 'ayn dan Fard Kifayah, ilmu mu'amalah dan ilmu mukashafah.
- h. Ini ditambah lagi dengan bermulanya zaman kelesuan ilmu dan ilmuwan dalam mengembanglaksanakan kesatuan ilmu dan amal Islami yang sempurna dan komprehensif, keadaan yang memungkinkan kuasa penjajah menakluki bukan sahaja kekuasaan lahiriyah, bahkan penguasaan ilmu dan agali umat Islam.
- i. Kesedaran umat Islam di zaman pasca penjajahan masih tercari-cari kaedah dan pendekatan yang sesuai untuk bangkit dan kembali bebas menentukan hala tuju kehidupan dan ilmiah umat Islam; ada yang terikut-ikut dengan trend penjajah dan pemodenan; ada pula yang mengambil sikap menolak secara mutlak semua yang dianggap moden dan Barat, semua ini mentafsirkan lahirnya aliran modernis dan konservatif dalam kalangan umat Islam, yang juga mempengaruhi sikap dan tindakan mereka terhadap golongan berlainan aliran dalam kalangan umat Islam.
- j. Perkembangan ini juga turut mempengaruhi usaha pembaharuan pelbagai disiplin ilmu, penghayatan dan pengamalan Islam sebagai suatu agama dan cara hidup.

## KESAN DAN AKIBAT KE ATAS PANDANGAN ALAM ISLAM, TAJDID DAN KESATUAN ILMU

- a. Ekoran daripada perkembangan di atas, ilmu-ilmu Islam berserta para ilmuwan yang mengkhususi bidang-bidang tertentu secara yang tidak berkesatuan mengalami kesan pemisahan mengikut disiplin ilmu yang berbagai. Ia melahirkan kelompok ilmuwan yang berkepakaran sempit dan khusus. Tiada lagi ilmuwan yang bersifat 'ensiklopedik', yang komprehensifilmu, kefahaman dan penghayatannya.
- b. Ini ditambah lagi dengan kecenderungan pengkhususan yang rigid hasil pengaruh budaya ilmu Barat yang secara tabi'inya sememangnya tidak berkesatuan. Pembaharuan sistem pendidikan termasuk di peringkat universiti telah mempengaruhi trend pengajian dan pengajaran ilmu agama. Ilmu dipelajari dan diajar demi melahirkan pakar dalam bidang tertentu demi mengisi keperluan kerjaya yang khusus sama seperti pengkhususan dalam ilmu- ilmu aqli-falsafi dan ilmi-saintifik yang sememangnya dirangka demi menangani isu-isu yang sifatnya juz'i. Ilmu dianjurkan demi menjawab soalan: Belajar untuk jadi apa? Untuk kerjaapa?
- c. Pandangan alam Islam sebagai kerangka dasar ilmu yang mengusahakan kesatuan ilmu yang harmoni tidak disedari, diutamakan bahkan diabaikan. Tajdid dalam ilmu diusahakan secara terpisah mengikut pengkhususan masing- masing.
- d. Kesan perindustrian ilmu dan teknologi ke atas penyempitan makna dan skop ilmu: Dalam kes industri pertukangan jentera misalnya, penyelidikan terperinci dalam membangunkan teknologi khusus mana-mana komponen industri berkenaan adalah relevan kerana masing-masing perusahaan itu berusaha membangun suatu yang lebih maju demi keperluan produktiviti dan pasaran tertentu, selama mana ianya diperlukan dan ada nilai komersial. Pulangan pencapaian ilmu dan penghasilan produk ini hanya dilihat pada nilai kebendaan yang tidak memberi kesan mendasar kepada pembangunan diri insan.
- e. Hal sebegini tidak patut, tidak sesuai bahkan amat buruk kesannya jika diamal- laksanakan dalam bidang ilmu kemanusiaan amnya dan ilmu-ilmu agama khasnya. Dalam kes Ilmu Kalam misalnya, penyelidikan terperinci dalam isu-isu yang terlalu rigid, yang mengabaikan tuntutan yang adil *Fard 'Ayn* dan *Fard Kifayah* hanya akan menyempitkan dan mensasarkan kefahaman pengkajinya daripada matlamat sebenar Ilmu Kalam dianjurkan. Pemahaman dan kepakaran yang sempit ini bukan sahaja tiada nilai 'komersial', bahkan tidak menyumbang kesan penghayatan yang sempurna ke atas pakarpakarnya. Apatah lagi, jika keadaan sebegini dikaitkan dengan kesatuan ilmu yang

komprehensif yang diperlukan oleh seseorang ilmuwan Islam untuk memahami, menghayati bahkan mengajar Islam secara sempurna.

### PEMBAHARUAN KESATUAN METODOLOGI ILMU ISLAM: KES ILMU KALAM

- a. Pembaharuan dalam Islam bukan bermakna penambahan dasar-dasar baharu, sebaliknya ia bersifat mengulang-tafsir apa yang sedia sempurna daripada ajaran Islam.
- b. Dalam konteks pembaharuan metodologi, ia merujuk kepada ulang-tafsir makna, hakikat dan pengamal-laksanaan metod Islam dalam konteks semasa, khususnya jika ia telah terkesan dengan bentuk kekeliruan ekoran pandangan alam yang tersasar.
- c. Pemahaman dan penghayatan Pandangan Alam Islam yang komprehensif menjadikan tanggapan, pemahaman dan huraian ilmu-ilmu Islam sentiasa baharu dan semasa dan mampu mengekang sebarang menyelewengan dan penyasarannya yang menjadikannya kaku dan tidak mampu berfungsi sewajarnya.
- d. Dalam konteks Ilmu Kalam, ia boleh dikupas dalam skop berikut sumber ilmu, masalah dan kandungannya, tujuannya dan sasarannya, selarasnya dengan hakikat yang diperkatakan dalam perkara 3 di atas.
- e. <u>Dalam konteks sumber ilmu</u>, ia tetap sebagaimana sumber asal pelbagai ilmu dalam Islam dengan mengambilkira makna sebenar ilmu secara umum dan makna Ilmu Kalamsecarakhusus.Sumberderia,aqaldanwahyuperludita'rif- ulang sebagaimana asalnya dan aplikasinya perlu diselaraskan dengan makna yang ingin dicapai dalam perbahasan Ilmu Kalam. Makna yang diusahakan pula perlu memberi impak yang sewajarnya kepada diri pengkajinya, khusunya yang berkait dengan hakikat keyakinan yang sebenar, seterusnya mendekatkan diri mereka kepada Allah SWT pada tahap yang tertinggi mungkin.
- f. <u>Dari segi masalah dan kandungan ilmu</u> pula, ia mesti mengambil kira klasifikasi ilmu yang adil; apa yang *Fard 'Ayn*nya dan apa yang *Fard Kifayah*nya, apa yang bersifat *Mu'amalah* dan apa pula yang berkait dengan cakupan *Mukashafah*nya. Semua ini perli diraikan sewajar dan seadilnya agar dapat mengawal perbahasan dan perbincangan Ilmu Kalampada tahap yang sesuai pada setiap masa dan konteks.
- g. <u>Dalam konteks tujuan dan sasarannya</u>, ia perlu kembali kepada matlamat sebenar ilmu-ilmu Islam dirangka, dibangunkan dan diajarkan, iaitu untuk melahirkan Muslim yang sempurna ilmu dan amalannya. Ia perlumeraikan

tahap-tahap sedari *'Ilm al-Yaqin*, seterusnya *Haqq al-Yaqin* dan *'Ayn al-Yaqin* pada tujuannya, dan apa yang awam dan khusus pada sasarannya.

h. Hanya dengan melazimi hal-hal ini, Ilmu Kalam akan senantiasa baharu, relevan dan selamat daripada sebarang kekeliruan yang boleh mengakibatkannya kaku dan tidak relevan. Hanya dengan melazimi hal-hal ini juga akan menjadikan Ilmu Kalam sebagai komponen yang melengkapi ilmu-ilmu lain dalam Islam, tidak bertentangan dengan ilmu-ilmu lain, bahkan menyumbang kepada kesatuan ilmu yang melahirkan kesempurnaan faham dan penghayatan Islam secara keseluruhannya.